



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM *TREASURE HUNT* KEBERSIHAN DI TERUSKAN DI PARLIMEN LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR

21 April 2013, Kuala Lumpur – Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) bersama Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) dan Persatuan Penduduk PPR Lembah Pantai hari ini mengadakan Program *Treasure Hunt* Kebersihan di PPR Sri Pantai, Kuala Lumpur.

YM Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin menyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Program *Treasure Hunt* Kebersihan dan turut menyampaikan sumbangan kemasyarakatan berjumlah RM1,800.00 kepada persatuan-persatuan penduduk di Lembah Pantai. Program *Treasure Hunt* Kebersihan ini telah dirasmikan pada pagi ini oleh YBhg. Dato' Adnan bin Hj. Md Ikshan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Acara *flag off* kepada para peserta Program *Treasure Hunt* Kebersihan pagi ini turut dijayakan bersama oleh Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd, Tuan Hj. Mohd Zin bin Hj. Hassan.

Program *Treasure Hunt* Kebersihan yang merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) KWPKB dan Alam Flora adalah program kali kedua dilaksanakan selepas program yang sama diadakan di PPR Batu Muda pada 24 Mac 2013. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk setempat dan merupakan salah satu cara yang kreatif untuk menarik minat orang awam menyertai aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan masing-masing.

Selain dapat bersama-sama melaksanakan aktiviti kemasyarakatan, warga kota juga berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah menarik yang ditawarkan serta boleh menyertai pelbagai aktiviti-aktiviti seperti Karnival Kerjaya Bersama Alam Flora, Program Kesedaran 3R, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak dan Karaoke, Jualan Amal oleh Islamic Relief Malaysia (IRM) serta Kaunter Khidmat Pelanggan KWPKB, DBKL dan Alam Flora Sdn Bhd.

Pelaksanaan program ini dapat menerapkan kesedaran dalam menjaga kebersihan di kawasan perumahan yang seterusnya dapat mengukuhkan rasa tanggungjawab warga kota untuk menjaga kebersihan di kawasan perumahan masing-masing Pihak KWPKB dan Alam Flora turut berhasrat untuk melaksanakan program ini pada tahun-tahun hadapan setelah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada warga kota serta semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh mereka.

Program-program seperti ini turut dapat membudayakan amalan kebersihan di Kuala Lumpur yang lebih realistik dan sistematik. Ini jelas menggambarkan imej sebenar Kuala Lumpur sebagai bandar raya indah dan bersih dan sekali gus meningkatkan keindahan pemandangan Wilayah Kuala Lumpur tercinta.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

21 April 2013
KUALA LUMPUR